



**PEJABAT BURSAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN NO. 170)**

DOKUMEN SEBUT HARGA B BEKALAN

No. Rujukan Sebut Harga	:	SHB/PSAS/03/2016 (12023)
Tajuk Sebut Harga	:	Memasang, Menginstalasi dan Menugaslari <i>Client Software RFID</i> di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
Kod Bidang	:	210103, 210104, 210106
Tarikh Tutup	:	8 November 2016
Pusat Tanggungjawab (PTJ)	:	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM

PERKARA AM

1. Tawaran adalah dipelawa untuk melaksanakan bekalan di atas tertakluk kepada syarat-syarat sebut harga.
2. Sila nyatakan tempoh hantaran bagi bekalan dan tempoh penyiapan bagi perkhidmatan yang ditawarkan.
3. Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari (3 bulan) dari tarikh tutup sebut harga.
4. Penyebutharga hendaklah menyerahkan Dokumen Sebut Harga ini kepada Pusat Tanggungjawab yang mengeluarkan sebut harga ini pada atau sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan.
5. Jika diminta, penyebutharga hendaklah menyediakan katalog bagi alat-alat yang telah ditetapkan untuk sebut harga berkenaan.
6. Jika ruangan pada dokumen yang disediakan tidak mencukupi, penyebutharga bolehlah menggunakan lampiran dan lampiran hendaklah ditandatangani dan dicop dengan cop penyebutharga.
7. Penyebutharga hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi:-

- (a) Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan satu salinan Sijil Pendaftaran tersebut hendaklah dihantar bersama dokumen sebut harga ini.
 - (b) Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan daripada JKDM yang menyatakan nombor pendaftaran CBP/GST (jika berdaftar).**
 - (c) Penyebutharga hendaklah bebas dari sebarang tindakan tatatertib pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Tindakan akan diambil ke atas penyebutharga yang melanggar peraturan ini.
 - (d) Penyebutharga yang menyertai sebut harga ini atas pilihan dan risikonya sendiri dan tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atas Universiti Putra Malaysia, segala gantirugi dari sebarang kerugian yang berpunca dari penyertaannya dalam sebut harga ini adalah di bawah tanggungannya sendiri.
8. Jika penyebutharga menawarkan accessories (alat tambahan) dan/atau alat-alat pilihan (*optional items*), hendaklah mencatat jumlah berasingan (*separate totals*) bagi tiap-tiap kumpulan accessories dan/atau *optional items* itu.
9. Kos latihan seperti " *On Site Training* " dan " *Factory Training* " hendaklah diasingkan dari Tawaran Harga Peralatan (jika berkaitan).
-

Fakulti/Jabatan/Bahagian:

.....
.....
.....

Tandatangan dan cop:

Tarikh:

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. Keadaan Barang

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan merupakan harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk pengangkutan, pemasangan, pembungkusan, cukai-cukai berkaitan atau lain-lain KECUALI Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP/GST). Bagi penyebutharga yang berdaftar dengan JKDM, sila asingkan harga bersih dan CBP/GST dalam Borang Tawaran Harga yang disediakan.

3. Persetujuan

- a) Universiti Putra Malaysia tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga;
- b) Setiap butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga yang berasingan; dan
- c) Keputusan UPM ke atas sebut harga ini adalah muktamad.

4. Pemeriksaan

- a) Universiti Putra Malaysia berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- b) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

5. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Penyebutharga adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. Penolakan

- a) Universiti Putra Malaysia berhak menolak barang-barang yang rendah kualiti atau yang berlainan daripada spesifikasi bekalan yang telah dipersetujui.
- b) Atas sebab-sebab (a) di atas, penyebutharga hendaklah membayar balik kepada Universiti Putra Malaysia segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

7. Tafsiran

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

8. Pembungkusan

- a) Bagi barang-barang “ex-stock” atau barang-barang keluaran dalam negara, nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).
- b) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan.
- c) Apa-apa kehilangan, kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebutharga.
- d) Sekiranya barang-barang diimport daripada luar negara, barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

9. Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pengeluar, penyebutharga hendaklah menyatakan nama pembekal yang akan membekalkan barang/alat yang diminta.

10. Surat-Menyurat Dari Penyebutharga Yang Tidak Berjaya

Universiti tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada penyebutharga-penyebutharga mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

11. Tempoh Jaminan

Peralatan dan sebarang kerja-kerja pemasangan hendaklah dijamin selama bulan dari tarikh penyerahan/hantaran.

12. Insurans

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negara pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

13. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP/GST)

- a) Bagi penyebuthargaan, CBP/GST yang dikenakan perlu dinyatakan pada ruangan Borang Tawaran Harga (sekiranya penyebutharga berdaftar dengan JKDM);
- b) Bagi penyebutharga yang layak di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 (P.U. (A) 273), penyebutharga yang berjaya wajib mengemukakan Sijil Di Bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bagi pelepasan pengenaan CBP/GST.

14. Surat Akuan Pembida

Penyebutharga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida semasa menghantar dokumen sebut harga ini seperti di **Lampiran A**. Sila lampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida.

15. Penyerahan Sebut Harga

- a) Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke Pusat Tanggungjawab yang mengeluarkan tawaran.
- b) Dokumen sebut harga hendaklah sampai pada atau sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Dokumen yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Pengesahan Penyebutharga

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada perkara 1 hingga 15 telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BORANG TAWARAN HARGA

No. Rujukan Sebut Harga:.....

Tajuk Sebut Harga :.....

.....

Bil.	Perihal	Jenama/ Model/Buatan	Kuantiti	Harga Tanpa GST (RM)	Harga Dengan GST (RM)
	Jumlah Keseluruhan Tanpa CBP/GST				
	6% CBP/GST				
	Jumlah Keseluruhan Termasuk CBP/GST				

Tempoh Hantaran:

.....
(Tandatangan Penyebutharga)

Nama dan Kad Pengenalan :

Alamat Syarikat :

Cop Syarikat :

Tarikh:.....

Lampiran A

SURAT AKUAN PEMBIDA Bagi

(.....)
(Tajun dan Nombor Sebut Harga)

Saya,..... nombor K.P.....yang
(Nama Wakil Syarikat/Nama Pemilik Syarikat)
*mewakili/memiliki.....nombor
(Nama Syarikat)
Pendaftaran.....dengan ini mengisytiharkan bahawa
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Putra Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Putra Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan bilik tawaran kontrak bagi sebut harga diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

Nama dan No. K.P.:

Cop Syarikat:

Catatan* Potong mana yang tidak berkaitan.

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>
4	Surat kelulusan daripada JKDM yang menyatakan nombor pendaftaran CBP/GST (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>
5	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>
6	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>
7	Surat Pengesahan Dari Pengeluar/Pembuat	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>
9	Lain-lain Sekiranya Ada:.....	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh: